



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**SEMINAR PENGHAYATAN RAMADHAN AL-MUBARAK 1427 H**

Tajuk :

# **PENGIMARAHAN MASJID DI BULAN RAMADHAN : PANDUAN PELAKSANAAN**

Disampaikan Oleh :

**DATUK WIRA HJ. RASHID REDZA BIN HJ. MD. SALEH**  
**MUFTI KERAJAAN NEGERI MELAKA**

## **HAKIKAT RAMADHAN :**

- Bulan untuk menjalani latihan kerohanian dan jihad memerangi hawa nafsu untuk melahirkan insan yang kembali kepada fitrah.
- Bulan bercucuk tanam untuk bekalan akhirat
- Bulan menyucikan diri dari dosa dan membina pekerti luhur
- Antara sukatan latihan yang perlu ditempuh untuk berjaya ialah:
  - ▶ **Berpuasa di siang hari**
  - ▶ **Bersolat fadhu jemaah**
  - ▶ **Solat tarawih dan menghidupkan malam al-qadar**
  - ▶ **Membaca al-Qur'an**

▶ **Menafkahkan harta (bersedekah)**



▶ **Mengeluarkan zakat fitrah**

▶ **Menghubungkan silaturrahim**



▶ **Berdoa untuk kebaikan**

▶ **Berusaha membuat amalan berfaedah**

▶ **Melakukan amal soleh**



## MENGI MARAHKAN MASJID :

*Maksudnya : { Hanyasanya yang layak **memakmurkan (menghidupkan)** masjid-masjid Allah itu ialah **orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat** serta **mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah**, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk. ... }*

*(Surah At-Taubah : ayat 18)*

- ❖ 'Imarah ertinya **'memakmurkan'**
- ❖ Menurut tafsiran para ulama, mengimarahkan masjid ada 2 maksud :
  - (i) **membina, memelihara dan memperbaikinya sekiranya perlu.**
  - (ii) **mengunjungi dan melaziminya untuk solat berjemaah dan jumaat di samping aktiviti-aktiviti lain ke arah melahirkan pengabdian kepada Allah seperti majlis ilmu, zikir, iktikaf dan sebagainya.**
- ❖ *Tugas mengimarahkan masjid bukanlah tugas yang ringan dan boleh dilakukan secara lewa. Hanya mukmin yang memiliki ciri-ciri yang dinyatakan dalam ayat di atas sahaja yang mampu melakukannya dengan baik dan istiqamah.*

# GALAKAN MEMAKMURKAN MASJID :

❖ Sabda Rasulullah ﷺ maksudnya :

*“Bangunkanlah masjid di kampung-kampung, lalu jadikannya bersih dan semerbak”* (Tirmidzi, Ibnu Majah dan Abu Daud)

❖ Sabda Rasulullah ﷺ maksudnya :

*“Barangsiapa yang membangunkan sebuah masjid kerana mengharapkan keredhaan Allah, maka Allah akan membangunkan pula untuknya sebuah mahligai di syurga”*.  
(Bukhari & Muslim)

❖ Daripada Abu Said, Rasulullah ﷺ bersabda maksudnya:

*“Apabila kamu lihat seorang lelaki yang sentiasa berulang-alik ke masjid, maka hendaklah kamu bersaksi dengan keimanannya”*. (Tirmidzi)

# **AKTIVITI MEMAKMURKAN MASJID DI BULAN RAMADHAN :**

## **1. Membersihkan masjid dan persekitarannya :**

- Pastikan keadaan luar dan dalam masjid berkeadaan bersih untuk memberi keselesaan kepada jemaah yang datang.
- Kain saf dicuci
- Letak haruman atau sembur pewangi di ruang solat

## **2. Sembahyang waktu berjemaah**

- Pastikan ada pegawai syarak yang bertugas di masjid pada setiap waktu solat

### 3. Solat Sunat Tarawih

- 8 atau 20 rakaat tidak termasuk witr. **Digalakkan 20 rakaat.**
- Dilakukan dengan sederhana. Tidak **terburu-buru. Setiap ayat al-Qur'an dibaca dengan jelas dan terpisah-pisah. Jangan pula terlalu lambat.**
- Meraikan makmum yang pelbagai usia dan tidak menyukarkan mereka.
- Melantik imam hafiz adalah digalakkan untuk menarik minat jemaah dan merasai kelainan.
- Bacaan Salawat, tasbih dan zikir antara 2 rakaat tarawih hendaklah dilafazkan dengan jelas dan betul. Bilal memainkan peranan membimbing bacaan makmum.
- Hadis tentang kelebihan tarawih pada tiap-tiap malam adalah hadis mawdhu' (palsu). Oleh itu tidak boleh disebarikan kepada jemaah.



## 4. Tazkirah

- Selain majlis ilmu yang dianjurkan oleh pihak kerajaan melalui program Ihya' Ramadhan atau Taqarrub, pihak masjid juga digalakkan menyampaikan tazkirah ringkas dengan membacakan hadis dan penjelasannya tentang fadhilat Ramadhan dan amalan-amalan yang digalakkan kepada jemaah.
- Boleh diselitkan antara solat tarawih mengikut kesesuaian.
- Dapatkan buku-buku yang bersesuaian di kedai-kedai kitab agama sebagai rujukan.



## 5. Program Tadarus Al-Qur'an :

Bukhari dan Muslim meriwayatkan bahawa Saidatina Fatimah radhiallahu 'anha berkata:



*“Sesungguhnya Jibril datang kepada Rasulullah ﷺ untuk memperdengarkan bacaannya kepada Rasulullah ﷺ dan untuk memperdengarkan bacaan Rasulullah ﷺ setiap tahun sekali. Dan Jibril telah melaksanakan yang demikian pada tahun Nabi wafat, dua kali”.*

- Tadarus merupakan sunnah yang bertujuan untuk menyemak dan memperbaiki bacaan al-Qur'an.
- Dipimpin oleh imam atau lantik seorang yang baik bacaannya untuk menyemak bacaan. Boleh dapatkan khidmat seorang hafiz untuk memimpin.
- Setiap masjid/surau perlu adakan sekurang-kurang satu halaqah (kumpulan) tadarus. Sebaik-baiknya baca sehingga khatam dalam bulan Ramadhan. Jika tidak mampu, sekadar yang terdaya tetapi jangan langsung tiada program tadarus.

- Dibaca dengan tenang dan tidak terburu-buru.
- Adakan majlis khatam al-Qur'an dan beri saguhati kepada peserta sebagai meraikan dan menggalakan jemaah terus beramal dengan al-Qur'an.



## 6. Program Iktikaf di masjid :

Bukhari dan Muslim meriwayatkan bahawa **Saidatina** 'Aisyah radhiallahu 'anha menjelaskan :

*“Adalah Nabi ﷺ beriktikaf pada sepuluh hari terakhir dalam bulan Ramadhan sehingga Allah Ta'ala mewafatkan baginda, kemudian isteri-isteri baginda beriktikaf sesudah itu”.*

- Sangat digalakkan pada 10 terakhir Ramadhan untuk mendapatkan lailatul qadar.
- Boleh dilakukan siang atau malam hari. Waktu malam selepas tarawih dan witr hingga menjelang subuh.
- Diisi dengan membaca al-Qur'an, berzikir, solat sunat, **berdoa** dan sebagainya.
- Pihak masjid wajar mengatur program iktikaf di **masjid dengan** pengisian yang bersesuaian untuk jemaah **kariah**.



## 7. Program Qiamullail :

Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, dari Saidatina 'Aisyah radhiallahu 'anha katanya :

*“Adalah Nabi ﷺ apabila telah masuk sepuluh yang akhir dari bulan Ramadhan, beliau menghidupkan malamnya, membangunkan keluarganya dan mngetatkan ikat pinggangnya”.*

- Sangat digalakkan lebih-lebih lagi pada 10 terakhir Ramadhan untuk mendapatkan lailatulqadar terutamanya pada malam-malam yang ganjil bermula pada malam 21 Ramadhan.
- Dipimpin oleh Imam atau guru jemputan
- Diisi dengan solat-solat sunat, zikir munajat dan doa.
- Sebaik-baiknya pada sepertiga akhir malam (kira-kira jam 2 pagi) sehingga waktu Subuh.
- Boleh digandingkan dengan program iktikaf di masjid

## 8. Amalan menjamu jemaah

Abdullah ibn Mas'ud radhiallahu 'anhu mriwyatkan bahawa dia mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda mafhumnya:

*“Masjid adalah rumah Allah dan mereka yang masuk ke dalamnya adalah tetamuNya. Apabila semua orang melayan tetamunya dengan baik, kenapa Allah Ta'ala tidak melayan dengan baik terhadap tetamuNya”.*

- Amalan ini merupakan suatu kelaziman di masjid-masjid dan surau-surau yang perlu diteruskan terutamanya di bulan Ramadhan.
- Boleh dilakukan ketika berbuka puasa atau selepas tarawih dan tadarus al-Qur'an.
- Setiap jemaah yang datang ke masjid hendaklah dilayan sebagai tetamu. Memberi makan dan minum kepada tetamu yang datang adalah suatu amalan yang terpuji.



## 9. Zakat Fitrah :

Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ad-Daraqutni dari Ibnu Abbas bahwa Rasulullah S.A.W. bersabda maksudnya:

*“Rasulullah S.A.W memfardhukan zakat fitrah sebagai membersihkan diri bagi orang yang berpuasa dari perbuatan sia-sia dan tutur kata yang keji an menjadi makanan bagi orang miskin...”*

- Kadar fitrah tahun 1427H ini ialah RM 4.70 seorang.
- Kaunter bayaran fitrah perlu sentiasa dibuka di masjid terutamanya selepas waktu sembahyang untuk memudahkan jemaah membayar fitrah.
- Ingatkan kepada ahli kariah pada hari jumaat supaya fitrah hendaklah dibayar kepada amil yang dilantik dan jangan serah sendiri kepada asnaf




## 10. Menghidupkan Malam Hari Raya dan Solat Sunat 'Idul Fitri :

- Dihidupkan dengan takbir, zikir, doa dan istighfar bermula dari nampak anak bulan syawal hingga Imam naik ke mimbar untuk menyampaikan khutbah raya.
- Maklumkan kepada jemaah kariah pada hari jumaat terakhir sebelum raya tentang waktu solat 'Idul Fitri akan diadakan supaya jemaah dapat datang ke masjid awal.
- Galakkan semua ahli kariah lelaki dan wanita, kanak-kanak dan dewasa untuk turut serta.
- Beri taklimat ringkas tentang kaifiat solat sunat 'idul Fitri kepada jemaah sebelum mulakan sembahyang sebagai ingatan.
- Pastikan sistem bunyi di masjid berkeada**aan baik dan jelas** untuk keselesaan jemaah.




## CABARAN DAN HARAPAN :

1. Mengekalkan bilangan jemaah sehingga akhir Ramadhan
  2. Menimbulkan keseronokan kepada jemaah untuk meneruskan dan meningkatkan ibadat sepanjang Ramadhan dan mengekalkannya selepas Ramadhan.
  3. Merapatkan ukhuwwah dan menghubungkan sillaturahim sesama jemaah.
  4. Utamakan mutu ibadah bukan kuantiti. Ibadah yang sederhana tetapi dilakukan dengan tertib dan beradab adalah lebih baik dari yang sebaliknya.
- 

**5. Masjid berperanan sebagai tempat tarbiah untuk membentuk umat beriman, beramal dan berakhlak mulia.**

**6. Masjid menjadi alat pengukur untuk menilai tahap iman dan amalan penduduk sesuatu kariah. Masjid yang makmur menjadi petanda masyarakatnya menghayati agama dan begitulah sebaliknya.**

**7. Semua masjid wajar menjadikan Masjid Nabawi sebagai contoh dalam usaha memakmurkan masjid menurut acuan Rasulullah S.A.W dalam membina ummah.**



# KESIMPULAN

- ✓ Ramadhan merupakan peluang yang disediakan oleh Allah Ta'ala kepada hamba-hambaNya untuk menyucikan dosa dan membina ketaqwaan.
- ✓ Masjid memainkan peranan penting memberi semangat kepada jemaah kariah masing-masing untuk beramal
- ✓ Pengurusan masjid dan ahli kariah hendaklah bersama-sama berganding bahu mengimarahkan masjid masing-masing secara berterusan.

*Wallahu Tabaraka Wa Ta'ala A'lam*

*SEKIAN*

*SELAMAT MENYAMBUT  
RAMADHAN AL-MUBARAK..*

*Semoga Ramadhan Kali Ini  
Lebih Bererti Buatmu..*

*TERIMA KASIH*